

04 MAR 1998

Britain-Asean

EROPAH TIDAK HENTI BANTUAN KEPADA ASIA KERANA REKOD HAK ASASI MYANMAR

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Britain hari ini memberi jaminan bahawa negara-negara anggota Asean tidak akan dipaksa untuk mendesak Myanmar berhubung dakwaan Yangon telah mencabul hak asasi manusia sebagai balasan mendapatkan bantuan Eropah memulihkan ekonomi Asia.

"Tiada ungkitan atau pertalian mengenai perkara itu," kata Menteri Negara British Bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel Derek Fatchett.

"Jawapannya ialah tidak," katanya semasa ditanya oleh pemberita sama ada Eropah akan menggunakan bantuannya kepada rantau Asia untuk mendesak negara-negara Asean mengambil tindakan terhadap Myanmar berhubung dakwaan pencabulan hak asasi manusia.

Ketika bercakap pada sidang berita sebelum mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata Britain dan Eropah telah pun menyatakan pendirian mereka mengenai rekod hak asasi manusia di Myanmar.

Terdahulu dalam kenyataan yang dibacakan pada persidangan berita itu, Fatchett berkata Eropah memang berminat untuk membantu negara-negara Asia menangani masalah kewangan mereka kerana "ia masalah kami juga."

Fatchett sedang dalam rangka lawatan sehari ke sini selaku wakil peribadi Perdana Menteri Britian Tony Blair dan wakil khas pejabat presiden Kesatuan Eropah.

Laporan dari Bangkok semalam memetik Amnesty International telah meminta negara-negara Eropah menggunakan "pengaruh" mereka dan menjadikan pencabulan hak asasi manusia di Myanmar sebagai isu utama pada Mesyuarat Asia-Eropah di London bulan depan.

Laporan berita itu menyebut satu laporan yang disediakan bagi mesyuarat itu telah mencadangkan negara-negara Eropah dan Asia menggunakan Asem untuk memperkukuhkan kedudukan komuniti antarabangsa menentang Yangon.

Laporan itu menegaskan bahawa pencabulan hak asasi manusia di Myanmar adalah "faktor yang rumit" dalam hubungan antara Eropah dan Asean, yang menerima kemasukan Myanmar sebagai anggota penuh pada Julai lepas.

Asean mengamalkan polisi tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara-negara anggota.

Asean terdiri dari Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand, Singapura dan Vietnam. -- BERNAMA

ES RHM